

PROGRAM PEMENTORAN MELAHIRKAN PEGAWAI BERPRESTASI TINGGI DAN AMALAN BEKERJA KELAS PERTAMA



Labuan, 22 Januari 2026 – Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) melalui Sektor Psikologi dan Kaunseling telah menganjurkan Majlis Pelancaran Program Pementoran dan Penyampaian Watikah Pelantikan Mentor dan Menti Peringkat Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan Tahun 2026 yang berlangsung di Bilik Benua, Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan (SSTP), JPWP Labuan.

Majlis yang diadakan bermula jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang ini melibatkan seramai 24 orang mentor dan 35 orang menti yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan dari pelbagai sektor di JPWPL.

Program ini juga bertujuan membimbing pegawai dalam peningkatan kerjaya dan kesejahteraan psikososial serta

meningkatkan kemahiran pegawai dari aspek profesional, budaya kerja, personal dan sosial.

Program dimulakan dengan taklimat Program Pementoran yang menerangkan konsep, peranan mentor dan mentee serta pelaksanaan program bagi tahun 2026 diikuti dengan perkongsian amalan baik oleh pemenang Anugerah Pasangan Mentor dan Mentee Terbaik Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2025, yang turut berkongsi pengalaman serta strategi kejayaan dalam pelaksanaan pementoran berkesan.

Program ini dirasmikan oleh En. Yahya bin Ahmad Puteh, Pengarah Pendidikan JP WPLabuan. Sesi bacaan ikrar mentor dan mentee menjadi kemuncak majlis sebagai simbol komitmen bersama dalam menjayakan program pementoran secara profesional, beretika dan berfokuskan pembangunan holistik pegawai.

[#jpwpl](#)

[#7TerasKPM](#)

[#MalaysiaMADANI](#)

[#PendidikanManusiawi](#)

[#TaatSetia](#)







